



كوفراسي فقاوي كرايمتا فذري فذرع وازر لاسان برحمه
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

Kepada:
Semua anggota Koperasi

Tarikh: 10 Mei 2018

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 64

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke 64 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad akan diadakan pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 2 Jun 2018(Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Besar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Darulaman,
Bandar Darulaman,06000 Jitra, Kedah.

2. Anggota-anggota dengan hormatnya dipersilakan hadir. Pendaftaran bermula jam 8.00pagi hingga jam 9.00pagi.
3. Agenda Mesyuarat;
 1. Melantik Pengerusi Majlis.
 2. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang anggota dan 4 orang anggota Lembaga untuk menentusah draf minit Mesyuarat Agung Ke 64.
 3. Menerima Etika Mesyuarat Agung.
 4. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 63 yang telah diadakan pada 10 Jun 2017.
 5. Memilih 3 orang anggota Lembaga. Anggota Lembaga berikut telah genap tempoh perkhidmatan menurut Peruntukan Seksyen 35(1) Undang-undang Kecil Koperasi :
 1. Haji Munir bin Badrul Jamil
 2. Anuar bin Ibrahim
 3. Haji Majib bin Jussoh
 6. Menimbang Laporan Tahunan Lembaga bagi Tahun 2017.
 7. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berserta Laporan Juruaudit, Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya.
 8. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
 9. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2019:
 - i. Bahagian Kredit
 - ii. Bahagian Stesen Servis Petronas
 - iii. Bahagian Koservis
 - iv. Bahagian Stesen Servis Caltex Changloon
 - v. Bahagian Ar-Rahnu Alor Setar
 - vi. Bahagian Ar-Rahnu Guar Chempedak
 - vii. Bahagian Stesen Minyak Shell
 - viii. Bahagian Perniagaan Gas Petron
 - ix. Bahagian Stesen Servis Petron Paya, Perlis
 - x. Belanjawan Modal/Aset
 10. Meluluskan pelantikan satu panel Juruaudit Luar yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun tahun 2018 dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk memilih salah satu firma berkenaan yang sesuai serta menetapkan bayarannya.
 11. Memberi kuasa kepada Lembaga untuk meminjam wang tidak lebih daripada RM10juta dengan kadar faedah tidak melebihi kadar pasaran dan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan dengan wang pinjaman tersebut tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.
 12. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tertakluk kepada peruntukkan dalam Akta Koperasi 1993.
 13. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi.
 14. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan.
4. Tuan/Puan yang berhasrat untuk mengemukakan apa-apa usul di dalam Mesyuarat Agung kali ini hendaklah menyampaikan usul tersebut kepada Setiausaha Koperasi tidak lewat dari 7 hari sebelum Mesyuarat Agung.

Dengan Perintah Lembaga,

(HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN ABD WAHAB)
Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Negeri Kedah Darul Aman,
Jalan Limbong Kapal,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.